

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM**  
**KAWASAN : BERUAS**

**SOALAN :**

**YB DATO' NGEH KOO HAM** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa projek naik taraf Jalan FT060, Jalan Damar Laut, Manjung ke Simpang, Taiping yang pada mulanya dirancang 4 lorong sekarang dikurangkan kepada 2 lorong sahaja. Adakah jalan raya ini dapat menampung keperluan apabila ia siap dinaik taraf nanti.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setelah projek Naiktaraf Laluan FT60 Dari Damar Laut Ke Changkat Jering (Pakej 1) dan projek Naiktaraf Laluan FF60 Dari Damar Laut Ke Changkat Jering (Pakej 2A) siap, jalan raya 2 lorong yang dinaiktaraf kepada piawaian JKR R5 ini dapat menampung keperluan trafik pada tahap Level Of Services (LOS) B.

Melalui pelaksanaan projek ini, rezab jalan minima 40m telah disediakan dan iaanya cukup sekiranya terdapat keperluan penambahan lorong akan datang.

Sekian, terima kasih.